

Topophobia Wanita dan Hubungannya dengan Kejadian Jenayah di Pantai Dalam, Kuala Lumpur, Malaysia

*Women's Topophobia and Its Relation to Crime Incidences in
Pantai Dalam, Kuala Lumpur, Malaysia*

Zuriyatunfadzliah Sahdan^{1*}, Noraziah Ali², Shaharudin Idrus³

¹Dept. Geography & Environment, Faculty of Human Sciences,

Sultan Idris Education Univ (UPSI), 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

²Centre for Social Studies, Development and Environment, Faculty of Social Sciences and
Humanities, Univ. Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia

³Inst. Environment & Development (LESTARI), Univ. Kebangsaan Malaysia (UKM),
Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: zuriatun@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Keterancaman wanita dikaitkan dengan persepsi ketakutan terhadap tempat atau topophobia. Kejadian jenayah adalah penyebab utama yang mengundang ketakutan wanita. Penghindaran terhadap ruang topophobia merupakan satu bentuk kawalan sosial untuk mengelakkan wanita daripada terdedah kepada jenayah. Kajian ini bertujuan menentukan hubungan antara lokasi, masa dan jenis ruang topophobia wanita dengan lokasi jenayah. Seramai 391 orang wanita yang tinggal di Pantai Dalam, Kuala Lumpur telah dipilih sebagai sampel kajian. Data lokasi jenayah diperoleh daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), manakala data lokasi topophobia diperolehi menerusi kaji selidik di lapangan dan berdasarkan titik yang ditandakan oleh responden pada peta dasar Pantai Dalam. Penganalisisan data lokasi topophobia dilaksanakan menggunakan Geographical Information System (GIS) manakala analisa data berkenaan sifat ruang topophobia menggunakan statistik deskriptif (frekuensi, peratusan, min) dan statistik inferensi (ujian t, ujian Anova sehala, ujian khi kuasa dua dan ujian korelasi Pearson). Hasil kajian menunjukkan lokasi yang ditakuti wanita bertindan dengan lokasi jenayah, khususnya di kawasan 'panas' jenayah. Namun, faktor masa dan jenis ruang yang ditakuti wanita tidak selaras dengan kes jenayah. Topophobia wanita lebih tinggi pada waktu malam berbanding bilangan kes jenayah yang tinggi direkodkan oleh polis pada waktu siang. Di samping itu, kebanyakan responden beranggapan bahawa rumah adalah tempat yang paling selamat. Sebaliknya, rekod jenayah di kawasan Pantai Dalam menunjukkan rumah adalah yang paling tinggi kadar jenayahnya. Ketidakselarasan ini menyebabkan wanita tidak berupaya mengelakkan diri daripada menjadi mangsa jenayah kerana usaha menangani topophobia tidak merujuk kepada faktor masa dan ruang yang berisiko jenayah. Oleh itu, kerjasama pihak berkuasa dalam menangani ketidakselarasan ini mampu mengurangkan ketakutan wanita untuk berada dalam ruang bandar sekaligus mengurangkan risiko jenayah terhadap wanita. Kajian ini

menyumbang kepada perkembangan ilmu geografi sosial ke arah merapatkan jurang antara persepsi topophobia terhadap reruang bandar dengan realiti sebenar kejadian jenayah di Malaysia.

Kata kunci topophobia wanita, jenayah, selamat dan berdaya huni

Abstract

Women's vulnerability is related to the perception of fear of place or topophobia. Crime is the main reason that contributes to women's fear. Avoidance of topophobia space is seen as a form of social control to avoid women from being exposed to crimes. This study was conducted to determine the relationship between location, time and type of space of women's topophobia with crime locations. A total of 391 women who lived in the study area were chosen as respondents. Data of crime locations were obtained from the Royal Malaysian Police (PDRM), while data on topophobia locations were obtained through a field survey using questionnaires, and from points marked by the respondents on the Pantai Dalam base map. The topophobia location data was analyzed using Geographical Information System (GIS) while the nature of topophobia space data was analyzed by descriptive statistics (frequencies, percentages, and means) and inferential statistics (t test, one-way Anova test, chi-square test and Pearson correlation test). The results show that location of women's fear overlaps with crime locations, especially in hot spot area. However, time and type of space of women's fear are not consistent with the crime cases. Women's topophobia is higher at night compared with the high number of crime cases recorded in the daytime. In addition, most respondents thought that house is the safest place. Instead, crime records of Pantai Dalam indicate that the house is the most vulnerable. This inconsistency causes women to be unable avoid crimes because their effort to cope with topophobia is not in tandem with the pattern of time and space of high crime risk. Therefore, cooperation between authorities in dealing with this inconsistency could reduce women's fear of being in the urban space, and hence reduce the incidence of crime against women. This study contributes to the development of social geography towards bridging the gap between topophobia perception of urban spatial and the reality of crime in Malaysia.

Keywords women's topophobia, crime, safety and livable

Pengenalan

Wanita adalah entiti aktif yang menggerakkan ekonomi sesebuah negara. Hal ini dibuktikan melalui pelbagai faktor yang diungguli oleh golongan wanita seperti bilangan penglibatan wanita dalam sektor perkhidmatan dan bilangan pelajar wanita di institusi pengajian tinggi. Jangka hayat wanita di Malaysia yang lebih panjang berbanding lelaki juga menjadikan wanita golongan yang lebih produktif.

Kejayaan wanita mampu direalisasikan disebabkan wujudnya persekitaran yang mendukung usaha mereka. Persekutuan ini merujuk kepada ruang bandar yang berdayahuni iaitu bandar yang mempunyai penduduk yang ceria, sibuk dengan pelbagai aktiviti dan persekitaran ekonomi, sosial dan fizikal yang segar, hening kehijauan, selamat, menarik dan sihat (A Samad *et al.* 2008). Sebaliknya, persekitaran yang tidak

mendukung wanita juga wujud. Tempat seumpama ini dibayangi oleh persekitaran fizikal seperti semak yang terbiar, bangunan terbengkalai, tanah perkuburan dan lorong yang gelap. Ia juga mempunyai persekitaran sosial seperti kebanjiran pendatang asing dengan pelbagai ras, terdapatnya golongan yang bergelandangan serta penagih dadah. Ruang bandar yang dilatari persekitaran seumpama ini mewujudkan perasaan takut wanita terhadap tempat (*topophobia*). Ketakutan terhadap tempat mampu mengehadkan bukan sahaja pergerakan, malahan usaha untuk menggerakkan ekonomi sesebuah negara juga bakal terjejas.

Topophobia mempunyai kaitan dengan perasaan halus wanita. Ia dibina daripada perspektif yang mempunyai kekuatan prejudis. Prejudis kaum wanita dicerminkan melalui tabiat pergerakan mereka di dalam ruang. Wanita lebih cenderung untuk menyekat tingkah laku mereka (dalam aspek keruangan) kerana rasa takut. Namun, wanita secara tidak langsung menghasilkan dominasi ruang oleh lelaki dan seterusnya mewujudkan penguasaan berbentuk heteroseksual. Hal ini perlu dibanteras bagi meningkatkan keyakinan wanita untuk berinteraksi dengan ruang bandar.

Ketakutan wanita sinonim dengan lokasi jenayah yang melibatkan serangan ganas dan gangguan seksual. Kebimbangan ini boleh diburukkan lagi dengan ciri-ciri persekitaran yang terpencil, sunyi, bersemak samun dan kegelapan pada waktu malam, iaitu satu masa apabila jalan-jalan yang sering dibayangi menjadi lokasi persembunyian penjenayah seperti pencuri yang memecahkan pintu rumah dan pembunuhan yang menyerang di bawah perlindungan kegelapan. Sehubungan itu, ketakutan mereka diterjemahkan dengan tindakan menjauhkan diri dari lokasi dan masa berpotensi untuk diserang. Bialeschki (2002) melihat tindakan pengecualian dan penghindaran terhadap ruang *topophobia* secara positif kerana ia adalah satu bentuk kawalan sosial untuk mengelakkan keterdedahan wanita terhadap jenayah. Namun, kes-kes jenayah yang melibatkan wanita menggambarkan bahawa wanita tidak bermaksud untuk berada di dalam ruang tertentu. Penentuan hubungan antara lokasi *topophobia* wanita dengan lokasi kejadian jenayah amat penting untuk mengetahui sejauh manakah lokasi ketakutan wanita adalah berkait secara langsung dengan kejadian jenayah atau mungkin terdapat faktor lain yang harus dikenal pasti.

Konsep *Topophobia*

Geografi humanistik pada tahun 1970-an melihat bahawa hubungan antara manusia dan tempat adalah bahagian penting dalam kehidupan. Namun, kewujudan *topophobia* bertindak sebagai pemutus hubungan antara keduanya. Istilah ‘*topophobia*’ telah diperkenalkan oleh Tuan (1974) untuk menjelaskan emosi dan perasaan prejudis manusia terhadap tempat. Konsep ini menjelaskan perhubungan manusia dengan tempat yang negatif berdasarkan perasaan dan emosi seseorang yang tidak menyenangkan, berbahaya atau menakutkan. O’Hare (2007) berpendapat bahawa *topophobia* adalah perasaan takut untuk menjadi mangsa oleh tempat. Beberapa pengkaji cenderung untuk memberi maksud *topophobia* sebagai ketakutan terhadap tempat. Koskela (2010) menyimpulkan perkara ini sebagai keadaan yang tidak dikehendaki (*unwanted condition*).

Terdapat satu konsep yang dikenali sebagai *Geography of Fear* atau ketakutan geografi yang tidak lagi dikenali sebagai bentuk pengalaman yang tidak dikehendaki (sebagaimana *topophobia*) atau pengganggu perhubungan manusia-tempat. Sebaliknya, pengalaman negatif yang terhasil adalah sebagai bentuk produksi sosial bagi perkara kolektif. Konsep seperti ketakutan dan bahaya tidak lagi dilihat sebagai perkara yang tidak dapat dielakkan, untuk dilepaskan, tetapi keadaan yang terhasil secara sosial. Penduduk di sesuatu kawasan boleh hidup sehari-hari bersama dengan ketakutan yang terpaksa dilalui. Ketakutan ini bersifat sementara. Modly (2009) mendefinisikan *Geography of Fear* sebagai kawasan atau tempat manusia (dalam kajiannya ialah pelajar) fahami dan membayangkan sebagai menakutkan dan berbahaya.

Walaupun terdapat perbezaan antara konsep *topophobia* dan *geography of fear*, kebanyakan pengkaji menggunakan kedua istilah ini secara bergantian. Penggunaan dua istilah ini dikaitkan dengan situasi sama ada keadaan yang dikehendaki (*wanted*) atau sebaliknya (*unwanted*). Para pengkaji (Cucu 2011; O'Hare 2010; Gonzalez (2005); Modly 2009; Krevs 2004; Bale 1996) hanya memberi gambaran bahawa ketakutan terhadap tempat akan menyebabkan manusia menghindari dan mengubahsuai ruangan serta mencari tempat yang lebih selamat. Gambaran ini seolah-olah hanya memihak kepada keadaan yang tidak dikehendaki (*unwanted*) iaitu merujuk kepada istilah *topophobia*. Atas justifikasi tersebut, kajian ini menggunakan istilah *topophobia*.

Topophobia juga ditakrifkan bersesuaian dengan lokasi kajian yang signifikan dengan sesuatu kawasan. Gonzalez (2005) memfokuskan *topophobia* wanita yang berlaku dalam rumah mereka sendiri. Sehubungan itu, definisi *topophobia* dimaksudkan sebagai penonjolan pautan perasaan di rumah yang dianggap sebagai penjara, tempat yang memberi tekanan, membosankan dan tidak kreatif. Bixler (1994) pula mengaitkan kajiannya dengan ketakutan terhadap kawasan hutan. *Topophobia* dalam kajian ini didefinisikan sebagai sikap di mana daya tarikan sesuatu tempat disekat oleh kebimbangan yang menjadikan manusia lemah semasa mengalami perasaan takut dan jijik pada objek atau keadaan tertentu dan meletakkan di luar zon selesa seseorang.

Bale (1996) pula melihat ruang yang berkaitan dengan sukan sebagai objek utama yang signifikan dengan kawasan *topophobia*. Kajiannya melihat ruang kesesakan semasa acara sukan sebagai berbahaya, mewujudkan ketakutan dan permusuhan. Jensen (1999) memberi contoh *topophobia* sebagai penolakan terhadap tempat yang boleh mewujudkan landskap ketakutan yang mana mewujudkan rasa terancam seperti kawasan setinggan yang menyebabkan kita berasa seperti penceroboh.

Topophobia digunakan oleh beberapa pengkaji disebabkan oleh pelbagai perkara. Pengkaji-pengkaji seperti Malinowski, (2004); Krevs (2001); Cucu *et al.* (2011) mendefinisikan *topophobia* sebagai ketakutan terhadap tempat yang dipengaruhi oleh imej negatif yang wujud di kawasan bandar. Cucu *et al.* (2011) melihat faktor jenayah, penduduk terpinggir, penduduk miskin ketiadaan infrastruktur yang lengkap atau masalah teknikal yang berkaitan dengan pencemaran atau kemerosotan alam sekitar yang menghasilkan tindak balas penolakan oleh penduduk. Malinowski (2004) pula melihat kepada fakta kerana kemungkinan jenayah, atau ketakutan yang tidak rasional yang berdasarkan stereotaip kaum, khabar angin, atau maklumat yang tidak betul. Krevs (2001) menjelaskan secara umum kewujudan persepsi *topophobia* disebabkan oleh perubahan proses ruang kontemporari yang berlaku dalam kawasan bandar,

seperti kelas atasan (*gentrification*), rebakan bandar, perubahan ruang dalam fungsi bandar dan peminggiran/pemisahan sosioekonomi.

Kajian *topophobia* wanita di Pantai Dalam mendefinisikan *topophobia* sebagai perasaan takut terhadap tempat di bandar. Perasaan takut terhadap tempat ini hanya mengambilkira golongan yang sering berasa terancam iaitu wanita. Keterancaman wanita dikaitkan dengan persepsi mereka terhadap lokasi kejadian jenayah atau potensi berlakunya jenayah di sesuatu tempat. Definisi ini bertepatan dengan pendapat Malinowski (2004) yang menjelaskan bahawa ketakutan terhadap tempat disebabkan oleh kemungkinan jenayah, atau ketakutan yang tidak rasional yang berdasarkan stereotaip kaum, khabar angin, atau maklumat yang tidak betul. Ketakutan yang mewujudkan perasaan tidak selamat. Ketakutan yang difokuskan dalam kajian ini melibatkan beberapa strategi yang digunakan oleh wanita untuk menangani ketakutan mereka termasuk menghindari sesetengah situasi.

Ruang *Topophobia* Bandar

Kajian *topophobia* bandar cenderung untuk menjadikan faktor jenayah sebagai subjek utama yang mengundang persepsi ketakutan di sesuatu tempat. ketakutan yang paling teruk antara ketakutan lain ialah ketakutan terhadap jenayah khususnya yang boleh mengundang bahaya peribadi. Ketakutan ini berkait rapat dengan pengaruh pengaturcaraan ruang yang mempunyai risiko berlaku jenayah dan ciri-ciri perantara yang memberi bayangan jenayah.

Topophobia berlaku dalam konteks yang berlainan mengikut jenis ruangan. Penjelasan mengenai *topophobia* sering dibezakan antara mengikut jenis ruang iaitu sama ada ruang awam atau ruang peribadi. Kajian *topophobia* banyak memberi tumpuan kepada ruang awam yang dilihat mempunyai tahap keterdedahan dan keterancaman yang tinggi terhadap jenayah. Namun, penjenisan ruang awam masih bersifat terlalu umum dengan diwakili beberapa jenis ruang yang heterogenes. *Topophobia* diklasifikasi dengan lebih spesifik kepada empat jenis ruangan iaitu; ruang terbuka (*agoraphobia*), ruang tertutup (*claustrophobia*), jalan (*ayrophobia*) dan persekitaran rumah (*oikophobia*) itu sendiri. Pengelasan ini dijadikan asas untuk menghuraikan perbezaan *topophobia* yang berlaku dalam ruangan yang berbeza.

Ketakutan terhadap ruangan terbuka amat sinonim dengan beberapa tempat seperti di perhentian bas, tempat letak kenderaan, stesen kereta api dan kawasan hijau. Uzzell dan Brown (t.th) menyelidiki tentang persekitaran yang mempengaruhi ketakutan manusia terhadap jenayah di stesen kereta api. Persekitaran stesen kereta api dan pengaturcaraan perjalannya didapati boleh mempengaruhi jenis, lokasi dan masa jenayah. Pendedahan rutin jadual perjalanan memberi ruang terhadap penjenayah untuk merancang sesuatu. Di samping itu, persekitaran sosialnya juga terdiri dari pelbagai pengguna yang melibatkan bukan sahaja penumpang, kakitangan dan pembeli, tetapi juga masyarakat bergelandangan dan penyeluk saku. Hal ini menyebabkan pengguna pengangkutan tersebut berasa terancam dan tidak selamat terutamanya semasa menunggu ketibaan perkhidmatan tersebut. Sideris (1995) juga bersetuju bahawa kriteria tertentu di sesuatu kawasan boleh mewujudkan peluang berlakunya jenayah. Hasil kajiannya yang bertumpu di sepuluh perhentian bas paling

berbahaya di Los Angeles mendapati punca kadar kejadian jenayah yang tinggi adalah disebabkan oleh atribut persekitaran yang terbiar dan negatif dengan ciri-ciri tempat yang tidak defensif. Kedua-dua kajian oleh Uzzell dan Brown (t.th) dan Sideris (1995) menyimpulkan bahawa walaupun kadar jenayah rendah, ketakutan orang awam terhadap jenayah tetap meningkat disebabkan oleh kriteria tempat yang menakutkan. Ketakutan ini mempengaruhi keputusan mereka dengan mengelakkan diri dari menaiki pengangkutan awam.

Kaya dan Kubat (2007) berpendapat bahawa ketakutan lebih berkait dengan konfigurasi ruang berbanding kejadian jenayah itu sendiri. Pengetahuan mengenai sesuatu ruangan yang ingin dikunjungi adalah penting untuk seseorang berasa lebih selamat khususnya di ruangan terbuka. Kajian mereka memfokuskan kepada ciri-ciri visual landskap taman di bandar bagi menentukan sama ada ruang itu menakutkan atau selamat, rentetan dari kadar jenayah kecurian dan keganasan yang tinggi di situ. Hasil kajian ini berupaya menyediakan maklumat berkenaan tempat kajian serta mampu meningkatkan keyakinan diri orang awam. Di samping itu, persekitaran hijau di bandar juga dijadikan indikator kualiti perumahan. Struktur, fungsi dan daya tarikan kawasan hijau menentukan gred perumahan di bandar sama ada selamat (*topophilia*) atau menakutkan (*topophobia*).

Kejiranan yang dikaitkan dengan *topophobia* mempunyai imej negatif disebabkan oleh banyak faktor selain dari kekurangan kawasan hijau, ia juga dipengaruhi oleh kadar kejadian jenayah yang tinggi, peratusan penduduk sosial terpinggir, keadaan kemudahan yang tidak baik dan kualiti persekitaran yang telah terdegradasi disebabkan oleh pencemaran (Cucu et.al. 2011). Kawasan petempatan yang memiliki ciri-ciri ini ditandai persekitaran ekonomi kelas bawah dengan kos sewa yang murah dan hanya mampu diduduki oleh golongan pekerja kolar biru sahaja.

Di samping itu, ruangan tertutup juga berisiko menjadi ruangan yang menakutkan dan tidak selamat. Jenis ruangan seumpama ini yang menjadi fokus kajian *topophobia* adalah di kawasan komuniti berpagar. Hasil penyelidikan Doenges (2000) mendapati penduduk komuniti berpagar mempunyai semangat kejiranan yang rendah. Hal ini menyukarkan proses ke arah pembinaan ruang bandar yang defensif. Lebih membimbangkan lagi, komuniti ini masih terdedah dengan bahaya sejurus mereka keluar dari kawasan perumahan mereka. Kebergantungan manusia dengan teknologi yang membolehkan pengawasan, pengawalan dan pertahanan dengan menggunakan kamera, penghadang jalan, grill, kata kunci dan kod bar menafikan keperluan mereka untuk memupuk semangat kejiranan. Kajian Low (2001) meneroka saling kaitan antara kehilangan perasaan terhadap tempat dan peningkatan pemisahan kelas. Beliau mendapati bahawa pembinaan dinding, pagar, dan kawalan menghasilkan satu landskap yang mengekodkan perhubungan kelas dan pengasingan kependudukan mengikut bangsa, kelas etnik dan gender secara kekal di dalam persekitaran terbina. Jelas bahawa, ruang tertutup seperti komuniti berpagar yang dianggap selamat juga masih terdedah dengan bahaya jenayah disebabkan persekitaran yang tidak defensif.

Selain ruangan tertutup, ruang jalan adalah ruangan yang paling ditakuti oleh komuniti bandar khususnya wanita. Ruangan ini sering kali dikaitkan dengan jenayah ragut, pergaduhan antara kumpulan samseng, perlakuan anti-sosial dan insiden berkaitan dadah yang kesemuanya memainkan peranan dalam menyebabkan

seseorang berasa tidak selamat di jalan dan menimbulkan rasa ketakutan. Persepsi wanita terhadap jalan sangat berkait rapat dengan persepsi tentang siapa yang mengisi ruang itu dan kawalan terhadap ruang. Kewujudan *graffiti*, sampah-sarap, sekumpulan pemuda atau golongan yang bergelandangan di jalanan memberi petunjuk bahawa ruang tersebut tidak dipelihara atau dikawal sama ada secara formal oleh polis, atau secara tidak formal oleh penduduk setempat, pemilik kedai, pelintas dan sesiapa yang berkaitan. Jenayah di jalanan dianggap sebagai masalah biasa di kebanyakan bandar-bandar Amerika Utara dan Eropah. Sehubungan itu, kajian negara-negara maju lebih menumpukan aspek penambahbaikan persekitaran jalan bagi mengurangkan kejadian jenayah. Sebagaimana kajian Day (2007) yang membuat penilaian sebelum dan selepas pembinaan semula bandar di California dari sudut kesannya terhadap jenayah dan keselamatan pejalan kaki. Hasil kajian mendapat bahawa reka bentuk bandar membantu untuk mengurangkan kadar jenayah khasnya di kejiraninan yang miskin dalam masa yang sama harus mengambil kira kesan-kesan lain.

Kebanyakan kajian seperti Kaya dan Kubat (2007); Uzzell dan Brown (t.th); Sideris (1995) hanya menumpukan kepada isu keganasan atau jenayah yang dilakukan oleh orang asing di luar rumah atau di ruang awam. Sedangkan, ketakutan juga boleh wujud dalam rumah itu sendiri. Warrington (2000) memfokuskan kajiannya terhadap realiti bahawa rumah yang diharapkan menjadi tempat yang selamat juga boleh menjadi tempat keganasan yang dilakukan oleh anggota keluarga sendiri. Lebih buruk lagi mangsa keganasan hanya dibatasi oleh ruangan yang terhad. Dalam hal ini, ruang *topophobia* mereka adalah lebih kepada persekitaran peribadi di rumah itu sendiri berbanding persekitaran awam yang dibincangkan sebelum ini.

Kajian berkenaan *topophobia* bandar seringkali membuat andaian bahawa ketakutan adalah semata-mata terhadap jenayah. Sebagaimana Di Malaysia, kajian keimbangan rakyat negara ini hanya menumpu kepada jenayah yang menunjukkan keselarasan dengan statistik jenayah. Modly (2009) mendapat perhubungan tersebut bermasalah kerana tidak mengambil kira sebarang faktor perantara lain. Dalam mendapatkan pemahaman holistik *topophobia* individu, seseorang itu harus mengambil kira banyak faktor yang boleh memberi kesan persepsi manusia terhadap ketakutan dan bahaya. Jenayah bukanlah satu-satunya faktor ketakutan dan seseorang lumrahnya ketakutan terarah kepada kawasan yang mempunyai kriteria visual tidak menyenangkan, dalam bentuk perumahan yang terbiar dan menyebabkan seseorang berasa asing. Setiap lokasi ruang amat unik dipengaruhi oleh persekitaran sosial, ekonomi dan budaya yang mengisi ruangan tertentu.

Sehubungan itu, andaian bahawa kejadian jenayah adalah faktor utama topophobia wanita di bandar perlu diperhalusi melalui kajian. Faktor sebenar mungkin berpunca daripada faktor-faktor lain yang mendominasi persepsi manusia di sesuatu tempat. Justeru, kajian mengenai *topophobia* wanita di bandar bertujuan untuk mengenal pasti realiti sebenar ketakutan wanita di Pantai Dalam.

Metodologi Kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat perhubungan antara lokasi, jenis dan sifat ruang *topophobia* wanita dengan kejadian jenayah yang berlaku di Pantai Dalam.

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan kaedah kajian tinjauan untuk mendapatkan lokasi, jenis, dan sifat ruang *topophobia* wanita di Pantai Dalam. Creswell (2005) memberi definisi penyelidikan kuantitatif sebagai sejenis penyelidikan yang menerangkan fenomena dengan mengumpul data berangka yang dianalisis dengan menggunakan kaedah matematik (menggunakan statistik tertentu). Chua (2011) menyatakan bahawa kajian tinjauan berupaya mendapatkan keputusan kajian yang digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan. Data lokasi *topophobia* didapati dengan mengarahkan responden menandakan simbol titik pada peta Pantai Dalam yang dibekalkan bersama dengan borang kaji selidik.

Pola kejadian jenayah diperoleh daripada data sekunder yang dibekalkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kemudiannya dipetakan menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Perhubungan lokasi *topophobia* dengan lokasi kejadian jenayah dapat dilihat melalui penindanan peta antara lokasi kejadian jenayah dengan lokasi *topophobia* (daripada borang kaji selidik) di dalam pemetaan GIS.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Pantai Dalam adalah sebahagian daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) yang terletak di bahagian barat daya ibu kota. Pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran kawasan Pantai Dalam ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Aspek *topophobia* wanita di Pantai Dalam yang akan dikupas melibatkan beberapa perkara. Antaranya ialah lokasi, sifat ruang, sifat manusia dan aspek keselamatan di Pantai Dalam.


Hubungan Lokasi *Topophobia* dan Jenayah

Petunjuk *topophobia* wanita terbahagi kepada lima kategori iaitu tidak takut, kurang takut, sederhana takut, takut dan sangat takut. Pola taburan lokasi *topophobia* yang bertumpu di beberapa kawasan berhasil daripada jawapan responden yang kesemuanya lebih kurang sama. Fenomena ini dapat dilihat apabila terdapat kawasan yang mempunyai tahap ketakutan yang sangat ekstrim berbanding kawasan lain yang hanya terletak dalam kategori kurang takut dalam julat 1 hingga 20 tandaan. Rajah 1 menunjukkan taburan lokasi *topophobia* dan jenayah di Pantai Dalam. Lokasi yang sangat ditakuti wanita berada dalam lima kuadran iaitu: (i) Vista Angkasa, Flat PKNS Kg. Kerinchi, Rumah Pangsa Kg. Kerinchi dan Stesen LRT Universiti (B6), (ii) Taman Bukit Angkasa (G8), (iii) Kuarters DBKL dan Apartmen Pantai Permai (G10), (iv) Stesen komuter Pantai Dalam (F16), (v) Stesen LRT Kerinchi (E5). Manakala lokasi ‘panas’ yang menjadi tumpuan jenayah berada pada tujuh kuadran utama dalam Rajah 1 iaitu: (i) Taman Bukit Angkasa (G8), (ii) Pantai Hill Park dan Jalan Pantai Permai 1 (C10), (iii) Vista Angkasa (B6), (iv) Kondo Rakyat Desa Pantai (C12), (v) Stesen komuter Pantai Dalam, PPR Pantai Ria dan Jalan Kubur (F16), (vi) PPR Kg. Kerinchi, Apartmen Pantai Permai dan Kuarters DBKL (F10 dan G10).


Jelas bahawa empat kuadran (B6,G8,G10 dan F16) yang paling ditakuti wanita kesemuanya berada dalam lokasi ‘panas’ jenayah. Hanya lokasi *topophobia* di stesen LRT Kerinchi (E5) mempunyai kadar jenayah yang rendah. Begitu juga dengan

lokasi utama tumpuan jenayah di Pantai Dalam, kebanyakannya tergolong dalam kawasan yang sangat ditakuti. Hanya kuadran C10 termasuk dalam kategori sederhana takut dan kuadran C12 dalam kawasan kurang takut. Kawasan dalam kategori takut kebanyakannya berada berdekatan kawasan yang sangat ditakuti seperti C6, F8, F10 dan E17. Ini kerana kawasan tersebut berada dalam kawasan perumahan yang sama atau berkongsi ciri-ciri persekitaran sosial yang tidak menyenangkan. Di samping itu, terdapat juga beberapa kes jenayah berada di luar daripada kawasan *topophobia* wanita, namun ia bukan dalam kategori kawasan panas. Secara keseluruhannya, lokasi yang ditakuti oleh wanita dan dirasakan berbahaya mempunyai hubungan dengan lokasi jenayah. Di samping itu, lokasi *topophobia* yang tergolong dalam kategori ‘sangat takut’ mempunyai sifat ruang seperti (i) jenis ruang jalan atau lorong, (ii) kawasan yang terpencil dan jarang dilalui orang serta bangunan terbengkalai, (iii) keadaan yang sunyi atau lengang, (iv) terdapat kelompok manusia seperti penagih dadah yang berkeliaran, lelaki yang melepak, bersorak dan mengganggu, dan kehadiran pendatang asing yang membanjiri kawasan tersebut.

Tahap ketakutan wanita adalah lebih tinggi pada waktu malam berbanding siang, sedangkan kejadian jenayah lebih banyak berlaku pada waktu siang (Rajah 2). Wanita cenderung untuk berasa lebih takut pada waktu malam disebabkan oleh faktor kegelapan. Bagi masyarakat Melayu, wanita yang keluar pada waktu malam dianggap sebagai perempuan yang kurang baik kerana malam sering digambarkan sebagai waktu berisiko terhadap perkara yang buruk. Walaupun demikian, lokasi *topophobia* pada waktu malam yang berkaitan dengan jenayah harta benda dan keganasan, menunjukkan tahap ketakutan antara sederhana, takut dan sangat takut. Fenomena ini berbeza dengan *topophobia* waktu siang yang berkaitan dengan pelbagai kes jenayah di Pantai Hill Park menunjukkan tahap kurang takut oleh penduduk wanita. Hanya lokasi jenayah di kawasan sekitar Taman Bukit Angkasa berada pada tahap sederhana takut oleh penduduk wanita. Hal ini menunjukkan kesilapan persepsi *topophobia* wanita berlaku di kebanyakan tempat pada waktu siang khususnya di Pantai Hill Park. Keadaan ini boleh mengundang bahaya kerana wanita menjadi kurang berwaspada dan meyakini mereka berada dalam ruang yang selamat pada waktu tersebut.




Rajah1 Taburan lokasi *topophobia* dan jenayah di Pantai Dalam, Kuala Lumpur.



Rajah 2 Taburan lokasi *topophobia* dan jenayah pada waktu siang (a) dan malam (b)


Hubungan Masa *Topophobia* dan Jenayah

Wanita perlu peka terhadap masa yang berbahaya untuk mengelakkan diri mereka dijadikan mangsa jenayah. Dalam Rajah 3, masa yang paling ditakuti responden adalah sepanjang waktu malam (58.1%) dan jam 5 hingga 7 petang (39.1 %). Sebagaimana lokasi *topophobia* yang menunjukkan tahap ketakutan yang semakin tinggi pada waktu malam, responden juga berpendapat pada waktu tersebut adalah masa yang paling berbahaya untuk berada dalam ruang *topophobia*, kerana wanita tidak mempunyai pengetahuan mengenai waktu kejadian jenayah yang sebenar. Wanita mengandaikan bahawa penjenayah akan menggunakan kesempatan kegelapan malam dan waktu tidur semua penduduk bandar sebagai peluang untuk melakukan aktiviti jenayah. Sebaliknya, data dari PDRM menunjukkan kejadian jenayah lebih banyak berlaku pada waktu siang.



Rajah 3 Taburan masa bahaya berada dalam ruang yang ditakuti


Rajah 4 yang menunjukkan bar yang berwarna hijau mewakili waktu siang dan biru mewakili waktu malam. Walaupun kejadian jenayah yang paling banyak berlaku pada jam 9.00 malam (23 kes), jumlah keseluruhan kes pada waktu siang (145 kes) mengatasi kes jenayah pada waktu malam yang mencatatkan 96 kes.




Rajah 4 Bilangan jenayah mengikut masa di Pantai Dalam, Kuala Lumpur

Gambaran hubungan yang lebih jelas antara masa *topophobia* dan jenayah ditunjukkan dalam Rajah 5 dan Rajah 6 dengan memaparkan perbandingan peratusan bagi waktu siang dan malam. Rajah 5 menunjukkan kebanyakan bilangan kes jenayah lebih tinggi berbanding dengan kadar ketakutan pada waktu siang. Tahap ketakutan wanita pada

waktu siang amat rendah jika dibandingkan dengan kadar jenayah. Peratusan kes jenayah mengatasi kadar *topophobia* daripada jam 7 pagi sehingga jam 4 petang. Hanya jam 5 dan 6 petang memperlihatkan kadar *topophobia* yang melebihi kadar jenayah. Pada jam 5 petang, kadar *topophobia* ialah 9.2 peratus manakala kadar jenayah hanya 5 peratus. Pada jam 6 petang, kadar ketakutan wanita juga adalah 9.2 peratus dan kes jenayah adalah sebanyak 6.6 peratus. Secara keseluruhannya, *topophobia* wanita pada waktu siang tidak terlalu tinggi jika dibandingkan dengan kejadian jenayah yang berlaku di Pantai Dalam. Mereka beranggapan bahawa waktu yang paling berbahaya pada waktu siang adalah jam 5 hingga 6 petang. Sedangkan, terdapat waktu lain yang perlu diberi perhatian oleh wanita terutamanya pada jam 8 pagi.




Rajah 5 Hubungan antara *topophobia* dan jenayah pada waktu siang



Rajah 6 Hubungan antara *topophobia* dan jenayah pada waktu malam

Tahap ketakutan wanita pada waktu malam mengatasi waktu siang (Rajah 6). Terdapat 8 jam pada waktu malam mencatatkan masa *topophobia* yang mengatasi peratusan kes jenayah waktu malam. Lebih membimbangkan, masa yang tidak mempunyai peratus ketakutan yang tinggi merekodkan kadar jenayah yang tinggi khususnya pada jam 8 malam (6.2%) dan 9 malam (9.5%). Hal ini menyebabkan wanita kurang berwaspada terhadap masa yang mempunyai risiko jenayah yang tinggi.

Rajah 7 menunjukkan jumlah peratus keseluruhan bagi kadar jenayah dan *topophobia* pada waktu siang dan malam. Dapatkan hubungan ini jelas menunjukkan bahawa kadar jenayah tidak mempengaruhi ketakutan wanita terhadap tempat mengikut waktu. Ciri-ciri yang ada pada waktu malam banyak merangsang *topophobia* berbanding kadar jenayah itu sendiri. Buktinya, peratus ketakutan wanita terhadap waktu malam adalah sebanyak 79.4 peratus iaitu bersamaan dua kali ganda berbanding peratusan kes jenayah yang dilaporkan pada waktu malam sebanyak 39.8 peratus.




Rajah 7 *Topophobia* dan kadar jenayah sepanjang waktu siang dan malam

Pola ketakutan ini bertentangan pada waktu siang. Tahap ketakutan wanita hanya mencatatkan 20.6 peratus walaupun kadar jenayah adalah sebanyak 60.1 peratus. Ini membawa makna walaupun kadar jenayah agak tinggi, ia tidak mempengaruhi *topophobia* wanita pada waktu siang. Tambahan pula, wanita tidak mengetahui kadar jenayah sebenar yang berlaku pada waktu siang atau malam. Tiada sebarang sumber data yang membolehkan rakyat negara ini menyemak data jenayah mengikut lokasi dan masa yang mereka kehendaki. Justeru, perasaan takut wanita lebih kepada dorongan perasaan bahawa mereka mempunyai risiko menjadi mangsa pada waktu malam dan kebimbangan terhadap akibat jenayah sama ada kesan sosial, fizikal dan ekonomi. Hakikatnya, persepsi ini adalah silap dan mendedahkan diri wanita terhadap bahaya jenayah pada waktu siang. Lebih membimbangkan lagi, pengawasan keselamatan polis menumpukan masa yang paling banyak berlakunya jenayah.

Hubungan Jenis Ruang *Topophobia* dan Jenayah


Ciri-ciri ruangan menentukan jenis jenayah yang mungkin berlaku. Jenayah ragut amat sinonim dengan ruang jalan atau lorong dan bukan di rumah atau ruang tertutup. Begitu juga jenayah rogol atau keganasan seksual lain, ia tidak banyak berlaku di ruang

terbuka yang terdedah dengan penglihatan orang lain. Setiap jenis ruang mempunyai sifat unik yang berupaya menggambarkan risiko jenayah yang bakal berlaku. Bahagian ini menjelaskan hubungan *topophobia* dengan kes jenayah mengikut jenis ruang. Rajah 8 memperlihatkan pola *topophobia* responden mengikut ruang yang ditakuti. Ruang yang paling ditakuti responden adalah jalan atau lorong dengan nisbah sebanyak 63.8 peratus. Nilai ini melibatkan ruangan jenis lain-lain yang dijawab oleh responden iaitu jejantas pejalan kaki di stesen komuter Pantai Dalam dan jalan yang gelap. Ruangan yang paling tidak ditakuti responden ialah rumah dengan jumlah sebanyak 2.1 peratus.




Rajah 8 Taburan ruang yang ditakuti

Rajah 9 menunjukkan kadar jenayah mengikut jenis ruang dalam masa setahun. Ruang yang paling tinggi kadar jenayahnya ialah di rumah dengan catatan jumlah kes sebanyak 51.9 peratus. Manakala ruang terbuka dan jalan/orong juga merekodkan nilai yang juga tinggi dengan peratusan masing-masing sebanyak 27 peratus dan 15.4 peratus. Ruang yang paling kurang berlaku jenayah ialah ruang tertutup dengan jumlah sebanyak 5.1 peratus.



Rajah 9 Kes jenayah mengikut jenis ruang

Bagi melihat hubungan antara ruang *topophobia* dan jenayah, peratus *topophobia* dan kadar jenayah mengikut ruang dihubungkan sebagaimana dalam Rajah 10. Jumlah peratusan yang paling hampir antara *topophobia* dan jenayah adalah di ruang terbuka dengan perbezaan sebanyak 11.8%. Walaupun kadar jenayah (26.8%) lebih tinggi berbanding kadar *topophobia* (15%), ia masih menunjukkan bahawa persepsi ketakutan wanita hampir setara dengan bahaya yang wujud di ruang terbuka. Corak seumpama ini juga berlaku di ruang tertutup dengan perbezaan sebanyak 13.8% dengan peratusan kadar ketakutan (19%) yang melebihi kadar jenayah (5.4%).



Rajah 10 Hubungan antara *topophobia* dan jenayah mengikut ruang

Walau bagaimanapun, ruang jalan/lorong dan rumah tidak menunjukkan hubungan antara satu sama lain. Kebanyakan responden beranggapan bahawa rumah adalah tempat yang paling selamat. Sebaliknya, rekod jenayah di Pantai Dalam menunjukkan ruang rumah di kawasan ini adalah yang paling berbahaya dengan kadar jenayah sebanyak 52.3% jika dibandingkan dengan peratus kekerapan *topophobia* responden hanya sebanyak 2.1%. Ketakutan wanita lebih terarah kepada ruangan jalan/lorong dengan peratus ketakutan tertinggi iaitu 63.8% walaupun ruang tersebut hanya mencatatkan kadar jenayah sebanyak 15.5%. Jelas bahawa, persepsi *topophobia* wanita terhadap ruang jalan/lorong dan rumah adalah silap. Ketakutan yang ketara di ruang jalan/lorong mungkin menyebabkan wanita lebih berhati-hati. Namun, perasaan yang terlalu selamat semasa berada di rumah mungkin menyebabkan wanita terlalu mengambil mudah dalam aspek keselamatan dan mewujudkan peluang kepada penjenayah untuk melakukan aktiviti mereka.

Majoriti responden menilaikan tahap keselamatan di Pantai Dalam adalah kurang selamat. Persepsi ini mempengaruhi keputusan untuk terus tinggal di Pantai Dalam kerana tiada pilihan lain dan berpindah ke tempat lain di luar Pantai Dalam. Dapatkan ini membawa makna yang jelas bahawa jika responden mempunyai pilihan, mereka tidak akan tinggal di Pantai Dalam. Tindakan ini memberi gambaran yang jelas tentang keimbangan wanita terhadap jenayah dan persepsi *topophobia* wanita terhadap Pantai Dalam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian *topophobia* amat signifikan dalam usaha menurunkan kadar jenayah. Penemuan penting dalam makalah ini menunjukkan perbezaan kes jenayah dengan pola *topophobia* wanita. Ketidakselarasan ini tidak mengupayakan wanita untuk mengelakkan diri daripada risiko jenayah kerana usaha wanita menangani *topophobia* tidak merujuk kepada masa dan ruang yang berisiko jenayah. Lebih memburukkan keadaan, tindakan polis lebih tertumpu kepada kawasan ‘panas’ dan masa yang mempunyai rekod jenayah yang tinggi sekaligus menyebabkan usaha untuk meningkatkan perasaan selamat dalam kalangan wanita tidak berkesan. Keadaan ini akan terus berterusan selagi wanita tidak mendapat maklumat yang tepat mengenai masa dan ruang jenayah yang sepatutnya dihindari. Oleh itu, kerjasama polis terhadap individu wanita amat penting.

Walaubagaimanapun, *topophobia* wanita mempunyai kaitan dengan kes jenayah dari segi lokasi. Hal ini dipengaruhi oleh imej fizikal dan sosial ruang yang tidak menyenangkan. Di samping itu, persepsi wanita juga terbentuk berasaskan sumber maklumat daripada penceritaan lisan dan media massa yang mendedahkan pengalaman jenayah keganasan yang tertumpu pada ruang tertentu. Justeru, mereka lebih berasa takut untuk berada di jalan atau lorong, kedudukan ruang yang terpencil dan jarang dilalui orang, sunyi atau lengang serta terdapat penagih dadah berkeliaran. Manakala masa yang paling berbahaya untuk berada dalam ruang yang ditakuti ialah jam 5 hingga 7 petang dan sepanjang waktu malam.

Di Malaysia, pengaturcaraan ruang dan pembangunan yang mengambil kira sensitiviti wanita masih berada di peringkat permulaan. Kebanyakan pertubuhan kerajaan dan NGO lebih banyak menumpukan usaha rawatan dan pemulihan selepas wanita menjadi mangsa jenayah. Manakala usaha mengelakkan keterancaman wanita banyak bergantung kepada pihak polis. Pihak polis mengamalkan penjagaan keselamatan yang samarata antara lelaki dan wanita. Ia dilihat kurang berkesan dalam menangani jenayah yang paling ditakuti wanita iaitu keganasan seksual. Sudah tiba masanya untuk kerajaan memikirkan tindakan khusus bagi mengurangkan ketakutan wanita untuk berada dalam ruang bandar. Golongan ini mendominasi pelbagai bidang pekerjaan dan memerlukan sokongan pelbagai pihak bagi meningkatkan produktiviti mereka.

Secara keseluruhan, makalah ini membuktikan bahawa *topophobia* tidak semestinya dipengaruhi oleh kadar jenayah. Faktor-faktor fizikal dan sosial bandar seperti keadaan ruangan yang sunyi atau lengang, kehadiran sekelompok manusia seperti penagih dadah yang berkeliaran, lelaki yang melepak, bersorak dan mengganggu, dan ruang yang dibanjiri pendatang asing juga menimbulkan *topophobia* wanita. Makalah ini juga mendapati bahawa konsep *topophobia* itu sendiri perlu didefinisikan semula selaras dengan latar belakang wanita di Malaysia yang berbilang agama, budaya dan kepercayaan. Segelintir wanita mungkin menginterpretasikan ketakutan mereka terhadap tempat bersama dengan simptom-simptom yang boleh diklasifikasikan sebagai *phobia*. Manakala sebahagian yang lain khususnya yang berpegang kepada konsep tawakal dan pergantungan kepada tuhan yang kukuh tidak menunjukkan sebarang atau hanya sebahagian simptom yang boleh diklasifikasikan kepada *phobia*.

Rujukan

- A Samad, H., Shaharudin, I., A Hadi, H.S. & Ahmad, F. M. (2008). *Dayahuni Bandar (Urban Livability)*. Bangi: Penerbit Lestari Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bale, J. (1996). Space, Place And Body Culture: Yi-Fu Tuan And A Geography Of Sport. *Geografiska Annaler Human Geography* 78(2):163–171.
- Bialeschki, M.D. (2002). Are we having fun yet?: Resistance and social control of women's outdoor experiences as a contested area of constraints, *Tenth Canadian Congress on Leisure Research*. Faculty of Physical Education and Recreation: University of Alberta, Edmonton, Alberta. <http://lin.ca/Uploads/cclr10/CCLR10-08.pdf> [accessed 27 July 2011].
- Bixler, R. D. (1994). *Topophobia*. Tesis Ph.D. Clemson University.
- Chua, Y.P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Buku 1. Asas statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Creswell, J.W. (2005). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Lincoln: Pearson.
- Cucu, L.A., Ciocanea, C.M. & Onose, D.A. (2011). Distribution Of Urban Green Spaces Indicator Of Topophobia - Topophilia Of Urban Residential Neighborhoods. Case Study Of 5th District Of Bucharest, Romania. *Forum geografic* 10 (2):276–286.
- Day, K. (2001). Constructing Masculinity And Women's Fear In Public Space in Irvine, California, *Gender, Place and Culture* 8(2):109–127.
- Doenges, G. W. (2000). An Exploration Of Sense Of Community And Fear Of Crime In Gated Communities, *Environment And Behavior* 32(5):597–611.
- Gonzalez, B. M. (2005). Topophilia And Topophobia : The Home As An Evocative Place Of Contradictory Emotions, *Space and Culture* 8(2):193–213.
- Kaya, B. & Kubat, A.S. (2007). Space And Fear Of Crime Relation In Urban Green Areas Case Study: Maçka Demokrasi Park. *6th International Space Syntax Symposium*.
- Koskela, H. (2010). Fear And Its Others. Dalam Smith, S.J. (ed.). *The Sage Handbook of Social Geographies*, London: Sage Publications, pp. 389–407
- Krevs, M. (2004). Perceptual Spatial Differentiation Of Ljubljana. *Dela* 21:371–379.
- Low, S. M. (2001). The Edge And The Center: Gated Communities And The Discourse Of Urban Fear. *American Anthropologist* 103(1):45–58.
- Malinowski, J.C. (2004). Topophobia: Landscapes Of Fear. <http://glencoe.mcgraw-hill.com/sites/dl/free/0002222010/111598/Topophobia.pdf> [accessed 13 Jun 2011].
- Modly, A. R. (2009). Geography Of Fear: Understanding Students' Sense Of Place. *Chrestomathy: Annual Review of Undergraduate Research*, School of Humanities and Social Sciences, School of Languages, Cultures, and World Affairs: College of Charleston 8:115–146.
- O'Hare, D. (2007). Not Another Waikiki? Mobilizing Topophilia And Topophobia In Coastal Resort Areas. Dalam Ruan, X. & Hogben, P. (eds.). *Topophilia and Topophobia*, hlm.185–201. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Sideris, A.L. (1995). *Hot Spot Of Bus Stop Crime: The Importance Of Environmental Attributes*. www.uctc.net/papers/384.pdf [accessed 27 Oktober 2011].
- Tuan, Y. F. (1974). *Topophilia: A Study of Environmental Perception, Attitudes and Values*. United States of America: Prentice Hall.
- Uzzell, D. & Brown, J. (t.th). Conceptual progress in understanding fear of crime in railway stations. www.scielo.oces.mctes.pt/pdf/psi/v21n2/v21n2a08.pdf [30 November 2011].
- Warrington, M. (2001). 'I Must Get Out': The Geographies Of Domestic Violence. *The Institute of British Geographers* 26(3): 365–382.